

Jenis Akhbar : Berita Harian Online
Tarikh : 22/08/2019
Edisi / Muka surat : www.bharian.com.my
Tajuk : ANGKASA Lancar Pakej Pinjaman Umrah

ANGKASA Lancar Pakej Pinjaman Umrah



ABDUL Fattah (kiri) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Ecoriths leisure travel and tours sdn bhd, Azman Ibrahim (dua kanan) bertukar dokumen perjanjian kerjasama antara Angkasa dengan Ecoriths leisure travel and tours sdn bhd sempena Majlis Pelancaran Program Umrah Koperasi Bersama Angkasa di Auditorium Angkasa, Kalana Jaya. Turut hadir Timbalan Presiden ANGKASA, Datuk Kamarudin Ismail (dua kiri) dan Timbalan Pengarah Bahagian Penyeliaan dan Tadbir Urus Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Norhayati Nayan (tiga kanan).
- Khamis, 22 Ogos 2019 | 6:19pm

KUALA LUMPUR: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) hari ini melancarkan pakej umrah bagi membantu ahlinya menunaikan umrah di Tanah Suci menerusi skim potongan gaji.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata pakej itu dilaksanakan menerusi kerjasama dengan syarikat pengendali umrah, EcoRITHS Leisure Travel and Tour Sdn Bhd.

“Dengan adanya pakej berkenaan, ahli koperasi boleh mengerjakan umrah dengan membuat pinjaman daripada koperasi.

“Pihak koperasi akan membuat bayaran dulu kepada syarikat pengendali umrah dan bayaran pinjaman akan dipotong melalui gaji ahli mengikut kemampuan bulanan mereka,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis Pelancaran Program Umrah Koperasi Bersama ANGKASA dan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Ecoriths, di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Presiden ANGKASA, Datuk Kamarudin Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Ecoriths, Datuk Rithsman Mohamed.

Abdul Fattah berkata, isu membabitkan penipuan umrah oleh agensi pelancongan banyak berlaku pada masa ini dan perkhidmatan disediakan pihaknya itu dapat mengelak ahli daripada menjadi mangsa.

“Dengan membuat pinjaman daripada koperasi dan menggunakan perkhidmatan pakej ditawarkan, ahli akan diberikan jaminan selamat serta selesa untuk mengerjakan ibadah itu.

“Perkara ini sedikit sebanyak akan dapat membantu mengurangkan kes penipuan yang banyak berlaku membabitkan mereka yang mahu menunaikan umrah,” katanya.